

21 APR 1996

Najib-Sekolah

KERTAS KERJA SEPADUKAN SEKOLAH AGAMA SIAP

PEKAN, 21 April (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid telah menyiapkan kertas kerja berhubung cadangan menyatukan sekolah-sekolah agama rakyat yang dikelolakan oleh pentadbiran negeri dengan sistem pendidikan kebangsaan dengan menghuraikan implikasinya.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata kerajaan perlu meneliti cadangan itu terutama implikasinya daripada segi kewangan dan perjawatan.

Perkara itu belum diputuskan oleh kerajaan walaupun nampaknya rata-rata kerajaan negeri menyokong usaha itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan surau Al-Amin, Kampung Tanjung, Langgar di sini yang turut dihadiri Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed. Mereka kemudian menunaikan solat zohor di surau itu.

Najib berkata kerajaan sedang membuat kajian mengenai perkara itu dan apabila semua pertimbangan telah dibuat nanti, maka keputusan mengenai cadangan itu akan diumumkan.

"Ini memerlukan keputusan daripada peringkat tertinggi dalam kerajaan," katanya mengulas kenyataan Timbalannya Datuk Khalid Yunus, dalam laporan akhbar 3 April lepas bahawa Kementerian akan mengambil alih sekolah agama rakyat di seluruh negara jika mendapat persetujuan daripada kerajaan-kerajaan negeri.

Najib berkata segala perkara mengenainya akan dirunding dengan kerajaan negeri bagi menentukan implikasi daripada menyatukan sekolah-sekolah itu dengan sistem pendidikan kebangsaan.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) dalam akhbar 8 April lepas bahawa 251 buah sekolah tidak mempunyai kerani menyebabkan guru-gurunya terpaksa membuat kerja-kerja perkeranian, katanya, beliau akan berusaha mengatasinya.

Beliau akan meneliti sama ada jawatan itu ada dan belum diisi kerana terdapat juga sekolah yang tidak diperuntukan jawatan kerani tetapi cuma setakat budak pejabat, katanya.

Beliau tidak mahu guru-guru dibeban dengan kerja perkeranian, katanya.

"Ini juga punca rungutan sebab guru secara prinsip sepatutnya mengajar tetapi apabila guru terpaksa membuat kerja perkeranian ini mengurangkan keberkesanan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Mengenai cadangan menaikkan gaji minimum yang sebelum ini dipersetujui RM900 bagi guru-guru maktab perguruan ekoran pengenalan diploma perguruan, beliau berkata, cadangan gaji minimum dan maksimum akan dibawa kepada jawatankuasa Kabinet mengenai perjawatan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- Bernama.

AZ PR